

PENGAUDITAN BADAN LAIN TERMASUK SYARIKAT MELALUI SISTEM e-SELFAUDIT BAGI TAHUN 2025

LATAR BELAKANG

1. Mengikut perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 [*Akta 62*], Ketua Audit Negara diberi kuasa untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dahulunya dikenali sebagai Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang menerima pemberian, pinjaman dan jaminan daripada Persekutuan atau Negeri, dan termasuk juga sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, Negeri atau pihak berkuasa awam.
2. Pindaan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 Julai 2024 dan di Dewan Negara pada 24 Julai 2024, setelah kali terakhir Akta ini dipinda pada tahun 1991, iaitu 33 tahun yang lalu. Pindaan ini antaranya telah meluaskan kuasa Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang menerima jaminan kewangan daripada Persekutuan atau Negeri. Pengauditan ini tidak hanya tertakluk kepada syarikat induk tetapi juga syarikat subsidiari di bawah syarikat induk berkenaan.
3. Seiring dengan pindaan Akta 62, Jabatan Audit Negara (JAN) telahewartakan sejumlah 1,856 badan lain termasuk syarikat melalui Perintah Audit (Akaun Badan Lain) (Pindaan) 2024 bagi tujuan pengauditan berkuat kuasa pada 1 November 2024. Jumlah ini meningkat lebih sekali ganda (100.6%) berbanding 925 buah syarikat yang diwartakan pada tahun 2022. Komposisi badan lain termasuk syarikat yang telah diwartakan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KOMPOSISI BADAN LAIN
TERMASUK SYARIKAT YANG DIWARTAKAN

BIL.	BADAN LAIN TERMASUK SYARIKAT	JUMLAH
1.	Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [<i>Akta 777</i>]	1,851
2.	Badan lain yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)	4
3.	Badan lain yang didaftarkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)	1
JUMLAH		1,856

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. Daripada 1,856 badan lain termasuk syarikat yang diwartakan tersebut, sebanyak 850 merupakan syarikat di peringkat Kerajaan Persekutuan manakala 1,006 merupakan syarikat di peringkat Kerajaan Negeri.

SISTEM e-SELFAUDIT

5. Susulan itu, JAN telah memperkenalkan pendekatan baharu tatakelola melalui Sistem e-SelfAudit bagi membolehkan pengauditan dilaksanakan terhadap kesemua syarikat yang diwartakan. Sistem ini merupakan satu inisiatif digital yang dibangunkan secara dalaman oleh JAN di bawah Projek Pendigitalan Perkhidmatan JAN (PPJ).

6. Pengauditan menerusi Sistem e-SelfAudit ini dibangunkan berteraskan kepada prinsip ketelusan dan akauntabiliti di mana badan lain termasuk syarikat memberi maklum balas terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat, amalan tatakelola dan prestasi kewangan syarikat.

7. Melalui Sistem e-SelfAudit, pengauditan dapat dilaksanakan secara 100% terhadap badan lain termasuk syarikat yang diwartakan berdasarkan maklum balas beserta dokumen sokongan yang dimuat naik. Ini akan membolehkan JAN melaksanakan pemantauan dan penilaian prestasi badan lain termasuk syarikat secara menyeluruh dan berkala ke arah pemantapan tatakelola.

PELAKSANAAN SISTEM e-SELFAUDIT

8. Pelaksanaan Sistem e-SelfAudit telah dimulakan pada 22 November 2024 secara projek rintis yang melibatkan 206 badan lain termasuk syarikat dan baki 1,650 badan lain termasuk syarikat pada 6 Februari 2025.

9. Setakat 31 Julai 2025, tiga badan lain dan 1,526 syarikat (82.4%) daripada 1,856 yang diwartakan telah mengemukakan maklum balas melalui Sistem e-SelfAudit. Proses verifikasi dilaksanakan terhadap maklum balas yang diterima melalui Audit Meja dan seterusnya dikeluarkan Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara, selaras dengan subseksyen 9(7) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] bagi setiap syarikat.

10. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, status pelaksanaan Sistem e-SelfAudit bagi 850 badan lain termasuk syarikat adalah seperti berikut:

- Satu badan lain dan 641 syarikat telah mengemukakan maklum balas;
- 34 syarikat gagal mengemukakan maklum balas dalam tempoh ditetapkan; dan
- 174 syarikat berstatus *winding up/dissolved/* tidak lagi berkaitan dengan Kerajaan. Butiran seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
STATUS PELAKSANAAN SISTEM e-SELFAUDIT BAGI BADAN LAIN
TERMASUK SYARIKAT DI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

BIL.	BADAN LAIN TERMASUK SYARIKAT DI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN	JUMLAH
1.	Syarikat yang kemuka maklum balas	641
2.	Badan lain yang kemuka maklum balas	1
3.	Tidak kemuka maklum balas dalam tempoh ditetapkan	34
4.	Status <i>Winding Up/Dissolved</i> / tidak lagi berkaitan dengan Kerajaan	174
JUMLAH		850

Sumber: Jabatan Audit Negara

11. Bagi 1,006 badan lain termasuk syarikat di peringkat Kerajaan Negeri, status pelaksanaan Sistem e-SelfAudit adalah seperti berikut:

- Dua badan lain dan 885 syarikat telah mengemukakan maklum balas;
- 19 syarikat tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh ditetapkan; dan
- 100 syarikat berstatus *winding up/dissolved*/ tidak lagi berkaitan dengan Kerajaan. Butiran seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PELAKSANAAN SISTEM e-SELFAUDIT BAGI BADAN LAIN
TERMASUK SYARIKAT DI PERINGKAT KERAJAAN NEGERI

BIL.	NEGERI	MAKLUM BALAS (Sistem e-SelfAudit)		STATUS (<i>Winding Up/Dissolved</i> / Tidak Lagi Berkaitan Dengan Kerajaan)	JUMLAH
		KEMUKA	TIDAK KEMUKA		
1.	Johor	150	-	29	179
2.	Kedah	59	-	6	65
3.	Kelantan	49	-	5	54
4.	Melaka	51	-	11	62
5.	Negeri Sembilan	21	-	1	22
6.	Pahang	43	12	4	59
7.	Perak	53	-	6	59
8.	Perlis	14	-	1	15
9.	Pulau Pinang	29	-	12	41
10.	Sabah	122	3	2	127
11.	Sarawak	182	-	14	196
12.	Selangor	50	1	1	52
13.	Terengganu	64	3	8	75
JUMLAH		887	19	100	1,006

Sumber: Jabatan Audit Negara

12. Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] terbahagi kepada dua jenis, iaitu Syarikat Berhad Menurut Syer (Company Limited by Shares – CLBS) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited by Guarantee – CLBG). Ciri-ciri syarikat adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
CIRI-CIRI CLBS DAN CLBG**

BIL.	JENIS	CIRI-CIRI UTAMA
1.	CLBS	Syarikat mempunyai modal berbayar. Penubuhan syarikat berorientasikan keuntungan.
2.	CLBG	Syarikat tidak mempunyai modal saham tetapi sebaliknya dijamin oleh ahli-ahli yang bersetuju untuk membayar suatu jumlah tetap sekiranya syarikat tersebut dibubarkan. Penubuhan syarikat tidak berorientasikan keuntungan.

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia

13. Sebahagian daripada syarikat ini ditubuhkan dengan tujuan khas atau disebut sebagai Special Purpose Vehicle (SPV), manakala sebahagian syarikat pula telah ditubuhkan secara sah tetapi tidak aktif menjalankan sebarang aktiviti perniagaan serta dorman.


14. Bilangan syarikat di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang telah mengemukakan maklum balas ialah 1,526 (tidak termasuk tiga badan lain). Bilangan syarikat mengikut jenis dan status seperti dalam **Jadual 5** dan **Carta 1**.

**JADUAL 5
KATEGORI SYARIKAT YANG MENGEMUKAKAN MAKLUM BALAS e-SELFAUDIT**

SYARIKAT	AKTIF		SPV		DORMAN		SEDANG DALAM PROSES WINDING UP/ DISSOLVED		JUMLAH
	CLBS	CLBG	CLBS	CLBG	CLBS	CLBG	CLBS	CLBG	
Persekutuan	340	57	113	3	108	1	17	2	641
Negeri:									
Johor	93	1	11	-	44	-	1	-	150
Kedah	37	-	-	-	18	-	2	-	57
Kelantan	34	-	-	-	12	-	3	-	49
Melaka	36	4	-	-	10	-	1	-	51
Negeri Sembilan	13	-	-	-	8	-	-	-	21
Pahang	41	-	-	-	2	-	-	-	43
Perak	31	5	-	-	15	-	2	-	53
Perlis	12	-	-	-	2	-	-	-	14
Pulau Pinang	21	6	1	-	1	-	-	-	29
Sabah	95	-	12	-	13	-	2	-	122
Sarawak	126	-	34	-	22	-	-	-	182
Selangor	42	4	2	-	2	-	-	-	50
Terengganu	47	5	-	-	9	-	3	-	64
JUMLAH	968	82	173	3	266	1	31	2	1,526

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 1
BILANGAN SYARIKAT MENGIKUT JENIS DAN STATUS




Sumber: Jabatan Audit Negara

SYARIKAT DI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

15. Sebanyak 641 syarikat di peringkat Kerajaan Persekutuan telah mengemukakan maklum balas melalui Sistem e-SelfAudit yang terdiri daripada 397 syarikat aktif, 116 syarikat berstatus SPV, 109 syarikat dorman dan 19 syarikat dalam proses *winding up/dissolved*. Bagaimanapun, bagi tujuan maklum balas sebanyak 622 syarikat diambil kira iaitu bagi kategori aktif, SPV dan dorman. Sementara itu, 19 syarikat dalam proses *winding up/dissolved* dijangka akan selesai ditutup mengambil kira status tindakan di peringkat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

16. Bagi 397 syarikat di peringkat Kerajaan Persekutuan yang aktif berdasarkan maklum balas syarikat, didapati sebahagian besarnya adalah dalam sektor Perkhidmatan, diikuti Pembinaan, Pertanian, Pembuatan dan Perlombongan. Pecahan syarikat aktif mengikut sektor adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PECAHAN SYARIKAT AKTIF MENGIKUT SEKTOR UTAMA



Sumber: Jabatan Audit Negara

**PERAKUAN DAN
PANDANGAN
KETUA AUDIT
NEGARA**

17. Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara dikeluarkan kepada syarikat yang telah mengemukakan maklum balas melalui Sistem e-SelfAudit selaras dengan subseksyen 9(7) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara bertujuan untuk merumuskan pencapaian objektif penubuhan syarikat, tahap amalan terbaik tatakelola dan prestasi kewangan syarikat.

18. Penilaian dibuat bagi menentukan sama ada pelaksanaan aktiviti utama syarikat selaras dengan objektif penubuhan yang dinyatakan dalam Perlembagaan Syarikat. Dalam pada itu, elemen pematuhan tatakelola dinilai berdasarkan prinsip tatakelola yang digariskan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 Siri 1 No. 1 Tahun 2024 dan tadbir urus korporat berdasarkan Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021. Penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat pula berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun 2022 dan 2023.

19. Setakat 8 September 2025, Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara telah dikemukakan kepada lapan syarikat di peringkat Kerajaan Persekutuan dan 34 syarikat di peringkat Kerajaan Negeri. Antara syarikat di peringkat Kerajaan Persekutuan yang telah dikeluarkan Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara ialah Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), PETRONAS Carigali Sdn. Bhd., MyHSR Corporation Sdn. Bhd., UPM Holdings Sdn. Bhd. dan UTM Holdings Sdn. Bhd..

20. Bagi syarikat di peringkat Kerajaan Negeri pula, antara Perakuan dan Pandangan Ketua Audit Negara yang telah dikeluarkan ialah Sarawak Energy Berhad, Hornbill Skyways Sdn. Bhd., Syarikat Zakat Melaka Sdn. Bhd., Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. dan PIJ Property Development Sdn. Bhd..

RUMUSAN

21. Mulai tahun ini, JAN telah memperkenalkan pendekatan baharu dengan melaksanakan pengauditan e-SelfAudit secara tahunan terhadap 1,856 badan lain termasuk syarikat yang telah diwartakan, selaras dengan pindaan Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Pengauditan ini dilaksanakan secara sistematik berasaskan tiga elemen utama, iaitu:

- a) **Pencapaian objektif penubuhan - bagi memastikan entiti berkenaan berfungsi selaras dengan tujuan penubuhannya;**
- b) **Pematuhan kepada prinsip tatakelola dan kawalan dalaman - termasuk aspek integriti, ketelusan, serta kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan**

-
- c) **Prestasi serta kedudukan kewangan - untuk menilai tahap kecekapan, daya saing, dan kemampuan entiti mengekalkan kelestarian operasi.**

22. Hasil pengauditan ini, Ketua Audit Negara telah mengeluarkan Perakuan dan Pandangan kepada syarikat terlibat selaras dengan subseksyen 9(7) Akta Audit 1957 [Akta 62] sebagai asas penambahbaikan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kebertanggungjawaban dan ketelusan, tetapi juga menyediakan indikator awal terhadap risiko ketidakpatuhan atau ketidakcekapan yang boleh menjejaskan prestasi syarikat.

23. Di samping itu, kaedah e-SelfAudit yang baharu diperkenalkan pada awal tahun 2025 turut berfungsi sebagai platform pengukuhan budaya integriti dan tatakelola dalam sektor awam, dengan memberi ruang kepada syarikat untuk melaksanakan penilaian sendiri. Dengan cara ini, entiti bukan sahaja dipandu untuk memperbaiki kelemahan, malah turut menyumbang kepada matlamat Kerajaan bagi meningkatkan nilai wang awam (value for money) dan memperkukuh keyakinan rakyat terhadap pengurusan badan lain termasuk syarikat.